

personaliti

Mahu dalami bidang teknologi makanan

BERITA HARIAN
5/10/2017 p. V63

Serdang: Bagi mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM), Nor Izzati Zainuddin, 22, bidang teknologi makanan memiliki keistimewaan tersendiri yang cukup menarik untuk diterokai.

Melalui pembelajaran di kampus, beliau antara lain berpeluang mendalami komposisi dalam makanan dan penggunaan mesin khas dalam proses penghasilan suatu produk berkenaan.

“Pengalaman dalam pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains dan Teknologi Makanan adalah sangat menyeronokkan kerana bukan sahaja boleh diaplikasi dalam kerjaya pada masa depan tetapi juga berguna untuk kehidupan harian.

“Saya juga berpeluang terbabit dalam pelbagai program anjuran fakulti, termasuk menjadi Ahli Jawatankuasa Persatuan Mahasiswa Fakulti Sains dan Teknologi Makanan UPM,” katanya.

profil

Nor Izzati Zainuddin

- **Umur:** 22 tahun
- **Tarikh lahir:** 31 Julai 1995
- **Tempat lahir:** Kelantan
- **Cita-cita:** Pakar teknologi makanan

